

Dalam Negeri

Belia tiada semangat cintakan negara?

KEDATANGAN 1 Syawal tahun ini dijangka tidak sampai 24 jam perbezaan masanya daripada sambutan Hari Kemerdekaan kali ke-54.

Situasi yang hampir serupa berlaku 32 tahun lepas apabila Syawal disambut pada awal September.

Senario pada awal tahun-tahun kemerdekaan juga berbeza dengan apa yang dilihat hari ini terutama dalam kalangan belia.

"Belia sekarang kurang bersemangat, tak seperti orang dulu. Semuanya kerana pembangunan yang dikecapi sekarang terlalu pesat, agak melampau kemodenan yang dinikmati. Saya ni kan orang lama," jelas Rosli Johnny, 64 tahun.

Beliau adalah sepupu kepada Alahyarham Rosli Dhoby, seorang wira yang sanggup mempertaruhkan nyawa semata-mata untuk mendapatkan Sarawak status Merdeka daripada pemerintahan British.

SEMANGAT KENTAL

Rosli Dhoby digantung sampai mati pada bulan Mac tahun 1950, ketika berusia 17 tahun. Selain Rosli, tiga lagi sahabatnya yang sama-sama meng-

anggotai Rukun 13 sebuah pergerakan pemuda Melayu di Sibu, Sarawak) iaitu Awang Rambli Amit Mohd Deli, Bujang Suntong dan Morshidi Sided turut menerima hukuman yang sama

"Tidak seperti orang dulu yang sanggup dan berani mati untuk negara, demi mempertahankan maruah dan martabat. Itu yang berbeza.

ROSLI JOHNNY

tahun itu.

Hukuman itu susulan tindakan keempat-empat mereka cuba membunuh seorang gabenor British di Sarawak pada era itu, Sir Duncan George Stewart yang ketika itu melawat bandar Sibu pada tahun 1949.

"Setelah dihukum, jenazah Rosli dikuburkan dalam satu liang lahat yang besar bersama-sama tiga sahabatnya.

"Pusara mereka terletak di pekarangan Penjara Kuching Central dan keluarga Rosli tidak dibenarkan melihat jenazah Rosli, baik selepas hukuman mahupun semasa disemadikan," jelas sepupu wira Sarawak itu lagi dalam nada suara yang sedih tapi penuh bersemangat.

Ketika itu, Rosli Johnny baru berumur tiga tahun.

Rosli Dhoby menggambarkan pengorbanan belia pada zaman sebelum Merdeka. Ia sangat besar sehingga jenazahnya terus dipenjarakan, walaupun selesai menahani hukuman dan disemadikan dalam pu-

sara.



AWANG Rambli Amit Mohd. Deli (duduk dari kanan) dihukum mati bersama tiga rakannya termasuk Rosli Dhoby pada 1950 kerana cubaan membunuh Sir Duncan George Stewart di Sarawak. - BERNAMA

Pemerhatian ramai yang ditanya mengenai semangat belia dan kesanggupan mereka berjuang untuk negara, berbeza.

Ini dikatakan berkait rapat dengan cara hidup kini yang serba mudah, ditambah pula dengan adanya teknologi mampan yang canggih lagi selesa untuk diaplikasikan.

"Orang muda sekarang berani tetapi lebih ke arah menjaga keperluan dan kepentingan diri sahaja, jarang untuk negara.

"Tidak seperti orang dulu yang sanggup dan berani mati untuk negara, demi mempertahankan maruah dan martabat. Itu yang berbeza. Selain itu negara perlukan belia yang intelek dan bernas. Sekarang ni, belia kurang menghayati semangat perjuangan yang sebenar," ujar Rosli Johnny seorang pesara yang pernah bertugas di Jabatan Hasil Dalam Negeri cawangan Sarawak sehingga tahun 2003.

Apa kata belia sendiri? **Aki Najmuddin Datuk Laili**, 29, dari Petaling Jaya, bila diajukan soalan itu menyatakan kesanggupan-

nya untuk terus berjuang mempertahankan negara daripada diceroahi dan dinodai kebebasannya.

"Memang tak ada masalah. Kalau diperlukan, saya sanggup mempertahankan negara kita ini, Insya Allah.

"Lagipun ia akan melindungi keluarga dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya," tambah Aki yang sudah berumah tangga dan mempunyai seorang cahaya mata.

SUMBANGAN

Ada juga yang berpendapat warga belia hari ini memang sanggup berkorban tetapi bukan untuk kebaikan negara sebaliknya untuk satu kepuasan yang boleh merosakkan diri sendiri.

Manakala **Wan Sham Wahidin**, 57, dari Pulau Pinang tetapi telah lebih 16 tahun menetap di Ampangan, Seremban berkata: "Orang muda ini saya nampak lebih cenderung mengorbankan jiwa dan raga untuk perkara-perkara yang tidak menguntungkan.

"Sanggup mati untuk dadah, sanggup mati kerana merempit, kan semua itu tidak memerlukan pengorbanan nyawa malah boleh menjatuhkan nama baik keluarga, bangsa dan negara di mata dunia."

Pandangan itu ada kebenarannya tetapi bukan semua belia hari ini dari acuan yang sama. Warga Malaysia sering diingatkan tentang tanggungjawab mereka terhadap negara melalui frasa ini 'jangan tanya apa sumbangan negara kepada anda, tapi apakah sumbangan anda kepada negara'.

Seorang bakal graduan IPTA, **Nurul Akma Jamaluddin**, dari Shah Alam berkata, dia sanggup berkorban harta, wang dan masa untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara Malaysia yang tercinta.

Begitu juga, **Muhammad Taufiq Awang**, 18, dari Terengganu berseutu dan menegaskan: "Mestilah, saya juga sanggup berkorban untuk negara!"

Manakala, **Nurul Adila Salim**, yang berasal dari Cheras sanggup

menyumbang secara berkhidmat dalam negara selepas tamat pengajian di sebuah IPTS nanti.

"Bila saya tamat pengajian dalam bidang kejuruteraan Multimedia, saya akan sumbangkan ilmu yang saya peroleh dengan bekerja di Malaysia. Itulah sumbangan dan pengorbanan saya, biarpun ada berpendapat itu tidak lumayan dari aspek pendapatan," kata Nurul penuh bersemangat.

Walau apa pun bentuk sumbangan dan pengorbanan seseorang warga negara, kebikannya perlulah menyeluruh dan dapat menjangikan negara terus makmur, sejahtera dan maju sebagai sebuah negara yang Merdeka dan ditadbir oleh warga-negara itu sendiri.

Munikrishnanya yang bekerja di Pahang tetapi berulung untuk bersama keluarga di Klang pada hujung minggu percaya semangat mahu berjuang untuk negara adalah sesuatu yang lahir dalam jiwa secara semulajadi daripada setiap warga negara ini.

"Saya yakin anak saya akan bangun untuk melindungi negara daripada diceroahi anasir yang tidak dipelawa apabila keadaan itu berlaku. Ia lahir secara semulajadi, tidak perlu dipaksa," jawab Munikrishnanya sambil mengering ke arah anak lelakinya, Vinod Naidu.


SUMBANGAN IDEA

"Saya sanggup menyumbang serta berjuang untuk kemakmuran dan kemajuan negara, demi kesejahteraan rakyat semua, tanpa mengira bangsa dan agama.

"Saya seronok melibatkan diri dalam perjuangan Pemuda, untuk sama-sama berusaha kearah memperbaiki sistem pengangkutan awam di Malaysia.

"Ini sememangnya satu saluran yang paling sesuai untuk belia seperti saya, berkongsi idea ke arah satu transformasi yang pasti memanfaatkan semua," jelas **Vinod**, 20, yang kini bemiaga di India, berulung alik untuk menjalankan perniagaan kedai rotinya, sekali gus mempromosikan Malaysia ke luar negara.

Semoga usia Merdeka negara kita Malaysia yang masih muda ini, sentiasa mendapat perhatian dan dipelihara dengan bersungguh-sungguh oleh warga Malaysia terutama belia. -BERNAMA



ROSLI JOHNNY